

Masalah kecil jika didedeh secara terbuka boleh jejas nasib anak Melayu

DALAM perbualan saya dengan seorang pengurusan kanan akhbar ini pada majlis makan tengah hari baru-baru ini, saya dimaklumkan bahawa pada setiap awal musim pendaftaran pelajar baru Universiti Teknologi MARA (UiTM), banyak aduan diterima daripada ibu bapa mengenai universiti ini.

Sebagai seorang bekas pelajar UiTM, beliau menganggap kebanyakan isu yang diadakan itu adalah remeh, berbanding pengalaman dan susah payah yang beliau lalui ketika belajar dahulu. Bagi beliau, semuanya itu menjadikannya lebih matang, lebih menghargai nikmat Allah yang dirasai sekarang dan insaf akan perjuangan bangsanya sendiri. Beliau tahu yang beliau sendiri adalah lahir hasil perjuangan universiti ini.

Bagi saya, yang hampir 40 tahun melihat dan mengalami sendiri perkembangan UiTM sebagai pelajar, pekerja, dan kini peneraju UiTM, saya nampak dengan jelas akan peranan universiti ini. Falsafahnya jelas menyatakan anak muda Melayu dan Bumiputera yang rata-rata datang dari keluarga miskin, jika diberi peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi, mereka mampu mencapai kejayaan.

Oleh kerana ketidakmampuan keluarga, ramai anak muda ini mendapat keputusan peperiksaan yang tidak memberangsangkan pada peringkat sekolah menengah. Golongan ini tidak dapat meneruskan proses pembelajaran mereka pada peringkat lebih tinggi.

Oleh itu wujudlah UiTM yang memberi latihan dan pendidikan peringkat tinggi kepada anak muda ini, mengubah mereka menjadi profesional yang mengisi jawatan penting dalam pembangunan negara.

Dengan adanya mereka dapatlah sedikit sebanyak negara mengurangkan jurang perbezaan antara kaum dalam soal sosioekonomi rakyat negara ini.

Orang ramai, terutama ibu bapa yang mempunyai anak mereka yang sedang belajar di UiTM, mesti sedar yang universiti ini telah dan akan terus memainkan peranan membangunkan modal insan Melayu dan Bumiputera bagi mengimbangi kedudukan sosioekonomi antara kaum dalam negara ini.

Saya pasti, tanpa UiTM jurang ketidakseimbangan ini akan bertambah luas. Saya juga pasti tanpa keseimbangan ini negara tidak akan aman. Ia akan mendatangkan keburukan bukan saja kepada orang Melayu malah untuk semua kaum di negara ini.

Kebanyakan ibu bapa merungut mengenai isu remeh yang menimpa anak mereka. Ini adalah kerana ada segelintir daripada mereka tidak faham mengenai perjuangan dan permasalahan dihadapi UiTM. Mereka tidak merasai yang mereka adalah sebahagian daripada perjuangan bangsa. Mereka mesti sedar bahawa perjuangan memperkasakan bangsa adalah perjuangan kita bersama.

Bukan hendak memberi alasan, tetapi sekadar memberi penjelasan. UiTM menerima masuk lebih daripada 25,000 pelajar baru setiap semester. Sudah pasti akan timbul satu dua masalah kecil di kalangan mereka. Yang menyedihkan pula sedikit kesilapan pihak UiTM diperbesarkan oleh ibu bapa melalui media massa. Walhal perkara ini boleh dibincangkan secara dalaman.

Ibu bapa mesti faham, jika di-

besarkan isu remeh dan memburukkan UiTM, ia sebenarnya memburukkan nama bangsa Melayu sendiri. Jangan kerana isu seorang anak sendiri, ribuan anak Melayu lain terjejas.

Ramai ibu bapa yang bersyukur anak mereka dapat melanjutkan pelajaran ke UiTM. Mereka faham yang keselesaan itu bukan perkara utama tetapi peluang mendapat pendidikan di universiti yang amat komited dalam pembangunan anak bangsa adalah lebih mustahak.

UiTM sentiasa membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa untuk pelajar dan ibu bapa. Umpamanya proses pendaftaran pelajar baru telah dipendekkan ke beberapa minit saja, tidak lagi berjajam-jam lamanya seperti dulu.

UiTM mohon maaf kepada segelintir ibu bapa yang tidak berpuas hati terhadap kekurangan perkhid-

matan yang diberikan. Namun harus dimaklumkan bahawa pendaftaran pelajar baru UiTM tahun ini adalah melebihi seperti yang diunjurkan. Selalunya hanya 70 hingga 80 peratus saja calon yang datang mendaftar, tetapi tahun ini hampir 100 peratus yang ditawarkan tempat telah mendaftar.

Walaupun jumlah yang ramai itu menyebabkan kesesakan dan kesibukan tugas kepada kakitangan UiTM, kita terima dengan rela dan penuh bersyukur. UiTM faham, jika semakin ramai anak Melayu dan Bumiputera berpeluang belajar pada peringkat tertinggi semakin cerah masa depan mereka, keluarga dan bangsa Melayu.

UiTM boleh memilih mengambil jalan mudah dengan mengurangkan bilangan pelajar yang kemudiannya akan menyenangkan kerja. Tetapi UiTM tidak memilih jalan itu, ke-

rana kita sedar perjuangan kita belum selesai dan mungkin tidak akan selesai. Ini adalah satu kesedaran, keinsafan dan penghargaan.

Ada ibu bapa atau saudara mara pelajar yang menggunakan media baru untuk memaki hamun UiTM kerana marah atas isu remeh. Kalau kesilapan kakitangan saya yang kurang sopan saya mohon maaf bagi pihak universiti.

Namun jika ada pihak yang memaki hamun tanpa ada kesedaran, saya rasa itu bukan cara penyelesaiannya. Jangan dikeruhkan lagi keadaan. Biarlah kita secara tenang dan bijaksana tegur menegur, beri cadangan serta berbincang dengan cara baik untuk kebaikan bersama.

Orang Melayu mesti sedar, tanpa kewujudan UiTM, anak-anak Melayu yang berpeluang belajar di universiti di negara ini sekarang tidak sampai pun 30 peratus. Maka berilah sokongan kepada UiTM untuk terus memperjuangkan nasib anak bangsa agar setanding dengan kaum lain dalam setiap aspek.

Antara cara menyokong ialah dengan berkorban keselesaan anak kita, dan galakkan mereka memberi tumpuan penuh kepada pembelajaran. Walaupun pembelajaran secara rasminya berlaku dalam bilik kuliah, pengalaman dan susah payah di luar juga memberi pengajaran amat berguna.

Kalau kerajaan memberi keyakinan kepada UiTM, ibu bapa pun tidak perlu ragu terhadap kewibawaan universiti ini. Saya tahu ramai ibu bapa faham bahawa yuran pengajian di UiTM amat rendah berbanding universiti lain.



UiTM membangunkan modal insan Melayu dan Bumiputera bagi mengimbangi kedudukan sosioekonomi antara kaum.